

Mahathir tegur pihak anggap nasionalisme hina

17 AUG 1985

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas segolongan masyarakat yang mengangap semangat kebangsaan hina dan tidak selaras dengan nilai-nilai Islam.

Golongan itu, katanya dianggotai oleh

P

KUALA LUMPUR, Jumaat

mereka yang berfikiran sempit yang menyalahafsirkan takrif semangat kebangsaan dan melakangkan agama.

"Ini menyebabkan rakyat takut dan bimbang untuk memperjuangkan semangat

kebangsaan, seolah-olah ia satu penghinaan dan terpesong daripada ajaran Islam sebenar, seperti yang didakwa oleh golongan itu," ujarnya ketika merasikan Pameran Nasionalisme Dalam Penulisan di Muzium Negara hari ini.

Beliau menjelaskan, Islam menyeru umatnya berbaik-baik antara satu sama lain dan sentiasa memelihara kebudayaan dan negara masing-masing.

"Jika kita mempunyai bangsa, maka sudah tentulah bangsa itu mempunyai kepercayaan iaitu agama. Jika tidak, bangsa itu tidak akan kekal. Untuk itu, semangat kebangsaan perlu dipupuk bagi menjamin kepercayaan dan negara sesuatu bangsa itu kekal dan terpelihara.

"Oleh itu, ia jelas menunjukkan bahawa semangat kebangsaan tidak terpesong daripada ajaran Islam," ujarnya.

Mundur

Menurutnya, bangsa Melayu hendaklah sentiasa bekerjasama antara satu sama lain bagi mempertahankan negara sendiri.

"Jika sesuatu berlaku kepada negara dan bangsa kita, tidak ada negara lain yang sanggup mempertahankannya, kecuali kita sendiri," tegasnya.

Beliau berkata, maju mundur sesuatu bangsa itu bergantung sepenuhnya kepada nilai hidup yang diamalkan.

"Jika nilai hidup mereka rendah, maka mundurlah sesuatu bangsa itu," ujarnya. Katanya, tugas memupuk semangat kebangsaan tugas semua rakyat, terutama penulis yang tidak sepatutnya

menganggap kerjaya mereka hanya untuk cari makan sahaja.

"Sebaliknya, mereka hendaklah menyemaikan semangat kebangsaan dalam tulisan-tulisan mereka bagi menjamin generasi masa depan tidak mengabaikan semangat kebangsaan yang menjadi teras keutuhan bangsa dan negara," tegasnya.

Pameran Nasionalisme Dalam Penulisan itu akan berlangsung sehingga 16 September depan. Ia memaparkan sejarah perjuangan para penulis Asas 50 dalam usaha memupuk semangat kebangsaan.